

08 OCT 2003

Pameran-PM

EMOSI BERCAMPUR BAUR DALAM PAMERAN SERIBU WAJAH PM

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- "Kagum dan Sedih", "Terima Kasih Dr Mahathir", "Tidak Mungkin Dilupakan" adalah antara ungkapan luahan pengunjung pameran foto "Seribu Wajah Dr Mahathir" di Balai Seni Lukis Negara, Jalan Tun Razak, yang masuk hari ke tiga.

Tinjauan Bernama hari ini mendapati pameran eksklusif menghargai jasa dan pengorbanan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sepanjang menerajui negara dikunjungi oleh pelbagai lapisan masyarakat setiap peringkat umur dan kaum.

Golongan pelajar dan belia didapati paling ramai mengunjungi pameran itu sehingga kini.

Tiga pelajar tingkatan 6 Sekolah Menengah Puteri Titiwangsa, Elly Shazana, Rathiga dan Norjana Abdul Kadir, menyifatkan pameran itu sebagai sesuatu yang amat bermakna kepada golongan pelajar.

"Kami lahir dan dibesarkan di bawah pentadbiran Dr Mahathir. Kemajuan negara dan pengiktirafan antarabangsa terhadap Malaysia membuatkan kami berasa bangga, Terima kasih PM," kata Elly.

"Saya paling suka gambar isteri PM (Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali) menuangkan minuman kepada Dr Mahathir di rumah. Ia gambaran kemesraan sepasang suami isteri yang banyak berjasa kepada pembangunan negara," tambah Rathiga.

Hakikatnya, pameran itu menimbulkan pelbagai suasana dan perasaan kepada pengunjung.

"Makcik kagum dengan keupayaan Dr Mahathir. Pameran ini memberi kita kesempatan mengimbas segala kerja yang beliau lakukan. Tapi, makcik juga sedih sebab dia akan bersara, kita berharap dia masih menyumbang kepada negara selepas bersara," kata Salmah Noor, 58, bekas pegawai tadbir daripada Pulau Pinang.

Antara gambar yang menyentuh perasaan sedih pengunjung adalah gambar semasa Dr Mahathir mengumumkan hasrat untuk berundur daripada semua jawatannya pada Perhimpunan Agung Umno 2002.

Seorang suri rumahtangga, Hafida Mohd Isa berkata gambar itu yang paling lama ditatapinya.

"Melihat gambar itu, ia mengingatkan saya kembali betapa rakyat begitu terkejut dengan pengumuman PM hendak berhenti. Kini saya sudah mula merasai akan kehilangannya. Kalau boleh saya mahu PM terus berkhidmat untuk Malaysia," katanya.

Chong Chin Perng, 19, pelajar dari Kedah, yang semata-mata ingin melihat gambar Dr Mahathir berkata: "Rakyat memang sangat sayang kepada dia, PM pemimpin yang baik. Rakyat tidak mungkin melupakannya. Saya harap dia dapat berehat selepas bersara nanti," katanya.

Wirdat Alias, 21, pelajar dari Puchong berkata karisma Dr Mahathir sebagai negarawan terserlah daripada gambar yang dipamerkan.

"Saya jarang membaca suratkhbar atau mendengar berita. Pameran ini memberi kesempatan untuk kita imbas kembali segala usaha yang Dr Mahathir lakukan. Saya memang kagum dengan kegigihannya," kata beliau.

Menurut penyambut tetamu pameran itu, Hazumi Abdullah, sehingga pukul 4 petang ini jumlah pengunjung pameran mencecah 6,000 orang.

Kebanyakan pelawat mahu pihak penganjur menjual buku biografi Perdana Menteri untuk dibeli sebagai kenangan malahan mereka ada juga yang mencadangkan agar buku catatan lawatan disediakan untuk mereka menulis ucapan penghargaan kepada Perdana Menteri.

Pameran foto selama dua bulan itu memaparkan lebih 500 keping foto cetakan kanvas dan 500 keping berbentuk multimedia dan kolaj yang dirakamkan oleh jurugambar media tempatan.

Pameran anjuran bersama oleh Kementerian Penerangan Malaysia, BERNAMA, Balai Seni Lukis Negara dan media massa tempatan itu akan berakhir pada 6 Dis 2003.

-- BERNAMA

AY HS PR